

SINTAKSIS

BENTUK AYAT : AYAT MAJMUK

1. KONSEP AYAT MAJMUK

- Ayat majmuk atau **ayat luas**¹ ialah ayat yang mengandungi lebih daripada satu klausa, atau mengandungi lebih dari satu subjek atau satu predikat.
- Ayat ini terbina dengan percantuman beberapa ayat tunggal dengan cara-cara tertentu dengan menggunakan kata hubung sehingga menjadikannya ayat baharu².

2. JENIS AYAT MAJMUK

2.1 Ayat Majmuk Gabungan

(1) Konsep Ayat Majmuk Gabungan


- Ayat majmuk gabungan atau **ayat gabungan** ialah ayat yang terdiri daripada dua atau lebih ayat tunggal yang digabungkan atau dicantumkan menjadi satu ayat.
- Penggabungan dengan menggunakan **kata hubung gabungan**.

Ayat tunggal + **Kata hubung gabungan** + Ayat tunggal

- Ayat-ayat yang bergabung itu bersifat setara, iaitu sama taraf, dan boleh berdiri sendiri.
- Hubungan antara ayat-ayat itu wujud kerana disusun berturut-turut.
 - Murid-murid itu berlari *dan* bernyanyi.
 - Dia *atau* saya yang perlu menangani masalah itu?
 - Dia tinggi *tetapi* adiknya rendah.
- Penggabungan boleh terjadi dalam subjek atau dalam predikat.
- Perkaitan antara ayat-ayat dalam ayat majmuk gabungan dapat digambarkan sebagaimana yang berikut.

¹ Ayat yang gatra-gatranya telah mengalami peluasan, dan tidak lagi terdapat dalam bentuk minimal. Asmah Hj. Omar, 1986. *Nahu Melayu Mutakhir (Edisi Baru)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 369

² Nik Safiah Karim, *et al*, 2008. *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 497.



- Penggunaan jenis kata hubung yang berbeza menghasilkan jenis gabungan yang berlainan.

(2) Jenis Ayat Majmuk Gabungan

(i) Ayat gabungan susunan berurutan

- Gabungan jenis ini menyusun fakta-faktanya secara berurutan, iaitu satu demi satu.
- Gabungan ini menggunakan **kata hubung setara tambahan maklumat**.

- | | |
|------------|------------|
| • dan | • serta |
| • lalu | • malahan |
| • tambahan | • sambil |
| • pula | • kemudian |
| | • lagi |

- Dia bangun *lalu* pergi dari situ.
- Budak itu sangat ramah *malahan* dia sungguh rajin.
- Ikan itu digaramkan *kemudian* disimpan di dalam tempayan.

(ii) Ayat gabungan susunan pertentangan fakta

- Ayat gabungan jenis ini memperlihatkan pertentangan fakta antara ayat yang digabungkan.
- Kata hubung yang digunakan ialah **kata hubung pertentangan**.

- tetapi
- sebaliknya
- melainkan
- kecuali
- padahal

- Ibunya gemar berniaga *sebaliknya* anaknya tidak berminat.
- Semua itu pakaiannya *kecuali* yang berlipat itu.
- Dia malas *padahal* dia budak pandai.

(iii) Ayat gabungan susunan fakta menunjukkan pilihan

- Menggunakan **kata hubung pilihan**.

• atau

- Kamu boleh datang esok **atau** lusa.
- Kamu **atau** dia yang menyiapkan kerja ini?

(iv) Gabungan menggunakan kata hubung berpasangan

- Menggunakan **pasangan kata hubung yang saling melengkapi**

- adakah ... ataupun
- apakah ... ataupun
- baik ... mahupun
- bukan sahaja ... malahan
- daripada ... lebih baik
- lebih baik ... daripada
- sama ada ... atau

- **Adakah** dia sudah pergi **atau** masih di rumahnya?
- Ismi bukan sahaja bijak **malahan** bertimbang rasa.
- Kita harus menerima takdir Allah **sama ada** kita suka **atau** tidak.

- Selain menggunakan kata hubung, terdapat ayat gabungan setara yang boleh disambungkan dengan **tanda koma** (,) sebagai gantinya. Dalam keadaan ini, nada suara atau intonasi menjadi penanda deretan penyataan.³

- Dia tinggi, adiknya rendah.
- Ibunya sangat gemar berniaga, anaknya tidak berminat.
- Pokok itu meliuk ke kanan, ke kiri.

2.2 Ayat Majmuk Pancangan

(1) Konsep Ayat Majmuk Pancangan

- Ayat majmuk pancangan ialah ayat majmuk yang terbina daripada gabungan satu ayat induk dengan satu atau beberapa ayat kecil lain.
- Ayat atau ayat-ayat kecil itu dipancarkan ke dalam ayat induk dan menjadi sebahagian daripada ayat induk.

³ Nik Safiah Karim, *et al* (1995:479)

(2) Jenis Ayat Majmuk Pancangan

Terdapat tiga jenis ayat majmuk pancangan berdasarkan cara pembentukan dan jenis ayat yang dipancarkan.

(a) Ayat majmuk pancangan relatif

- Ayat majmuk pancangan relatif (ayat relatif) = ayat gabungan antara induk dengan klausa relatif dengan menggunakan **kata hubung relatif**, iaitu perkataan **yang**.

(i) Pemancangan klausa relatif dalam subjek

- Budak **yang bermasalah** itu sudah berhenti sekolah.
- Keadaan **yang mendesak dalam hidupnya** sudah selesai.
- Bayi **yang menangis** itu anak sulung kawan saya.

(ii) Pemancangan klausa relatif dalam predikat

- Abangnya memiliki kekasih **yang cantik**.
- Kanak-kanak tertarik akan kisah **yang lucu** itu.
- Dia melakukan hal **yang menyebabkan ibunya marah**.

(b) Ayat majmuk pancangan komplemen

- Ayat majmuk pancangan komplemen (ayat komplemen) = ayat gabungan antara ayat induk dengan klausa komplemen dengan menggunakan kata hubung komplemen.
- Kata hubung pancangan yang lazim digunakan ialah **bahawa** dan **untuk**.

- Dia memahami **bahawa peluangnya sudah tidak ada**.
- **Bahawa kemalangan itu dirancang** tidak benar sama sekali.
- Memang sukar sekali **untuk dia mencapai hajat itu**.

- Terdapat juga kata hubung pancangan terdiri daripada **agar** atau **supaya**.

- Mereka mencadangkan **agar/supaya kami bermalam di situ**.
- Dia mengugut **agar/supaya saya mematuhi kemahuannya**.
- **Agar/Supaya projek itu disegerakan** diminta oleh pihak berkenaan.

- Terdapat empat jenis ayat majmuk pancangan komplemen

(i) Ayat majmuk komplemen frasa nama

- Lazimnya subjek ayat ini diisi oleh klausa komplemen yang terdiri daripada kata komplemen **bahawa** dan **untuk**.

- Ayat majmuk komplemen ini terdiri daripada komplemen frasa nama subjek dan komplemen frasa nama objek

Jenis ayat majmuk komplemen frasa nama	Contoh
Ayat majmuk komplemen frasa nama subjek	<ul style="list-style-type: none"> • Bahawa mereka keluarganya memang betul. • Tidak benar sama sekali bahawa dia terlibat. • Untuk mempengaruhinya boleh dikatakan mustahil.
Ayat majmuk komplemen frasa nama objek tepat (boleh dipasifkan)	<ul style="list-style-type: none"> • Kami mengesyaki bahawa dia menjadi dalang dalam peristiwa itu. • Bahawa orang itu tidak pernah ke situ ditegaskan oleh pengawal itu. • Kami mengesyorkan agar ia menggunakan jalan pintas.
Ayat majmuk komplemen frasa nama objek sipi	<ul style="list-style-type: none"> • Guru mengingatkan kami bahawa hari Sabtu ini ada kelas tambahan. • Ayahnya memberitahu saya bahawa Razak masih demam. • Kaunselor menginsafkannya bahawa ibunya lebih penting daripada hal lain.

(ii) Ayat majmuk komplemen frasa kerja

- Ayat majmuk jenis ini lazimnya mengandungi kata kerja tak transitif
- Jenisnya terdiri daripada klausa komplemen yang mengikuti frasa kerja tak transitif dan jenis komplementasi kata kerja berurutan,

Jenis ayat majmuk komplemen frasa kerja	Contoh
Klausa komplemen mengikuti frasa kerja tak transitif	<ul style="list-style-type: none"> • Rizal berpendapat bahawa hal itu tidak wajar dibesar-besarkan. • Pihak itu selalu beranggapan bahawa kerajaan tidak adil. • Jurucakap itu berkata bahawa projek tersebut masih beroperasi.
Komplementasi kata kerja berurutan	<ul style="list-style-type: none"> • Nenek hendak pergi menjahit atap. • Johari bangkit menolak bongkah itu ke tepi. • Adik bersorak memberikan sokongan.

(c) Ayat majmuk pancangan keterangan

- Ayat majmuk pancangan keterangan (ayat keterangan) = ayat gabungan antara ayat induk dengan satu atau lebih klausa kecil yang berfungsi sebagai keterangan kepada predikat.

Ayat induk + **Kata hubung** + Klausa keterangan

- Terdapat sekurang-kurangnya sembilan jenis ayat keterangan yang dilihat dari segi kata hubung yang digunakan dan maksud yang terkandung di dalamnya.

(i) Keterangan sebab

- Keterangan sebab ialah unsur yang menerangkan sebab berlakunya sesuatu.
- Keterangan ditandai oleh penggunaan **kata hubung sebab**.

- kerana
- oleh sebab
- lantaran

- Dia tidak mahu datang **kerana ibunya sedang sakit**.
- **Oleh sebab mereka kesiangan**, mereka lambat sampai.
- Rashidah berjaya **lantaran usaha gigihnya**.

(ii) Keterangan akibat

- Keterangan akibat ialah unsur yang menerangkan kesan atau hasil daripada sesuatu perbuatan.
- Kata hubung keterangan jenis ini ialah **kata hubung akibat**.

- hingga
- sehingga

- Ia menyorak kami dengan kuat **hingga terbatuk-batuk**.
- Kita harus berusaha **sehingga kita berjaya mengumpulkan dana yang mencukupi**.

(iii) Keterangan syarat

- Keterangan syarat ialah unsur yang menerangkan tuntutan yang mesti dipenuhi.
- Keterangan jenis ini menggunakan **kata hubung syarat**.


- jika
- jikalau
- kalau

- sekiranya
- asalkan
- andai kata

- Mari ke sana sekarang **jika kamu tidak keberatan**.
- **Sekiranya kita lemah** orang lain mudah menguasai kita.
- Kalian boleh ke sana **asalkan pulang dengan segera**.

(iv) Keterangan waktu


- Keterangan waktu ialah unsur yang menerangkan masa sesuatu perbuatan atau kejadian.
- Ayat keterangan ini dihubungkan oleh **kata hubung keterangan waktu**.



- **Setelah banjir surut**, mangsa pulang ke rumah masing-masing.
- Dia bekerja di pasar raya **sementara menunggu keputusan peperiksaan**.
- Perompak itu datang **tatkala pekerja sedang bersiap untuk pulang**.

(v) Keterangan pertentangan


- Keterangan pertentangan ialah unsur yang menerangkan sesuatu perbuatan atau kejadian yang berlawanan.
- Kata hubung yang terlibat ialah yang **jenis pertentangan**.



- Amizah enggan keluar **walaupun puas dipujuk oleh ibunya**.
- **Biarpun hujan sudah lama berhenti**, air banjir masih bertahan.
- Kedua-duanya berselisih faham **sedangkan asalnya mereka sahabat baik**.

(vi) Keterangan harapan

- Keterangan harapan ialah unsur yang menerangkan sesuatu perbuatan atau kejadian yang dihajati.



- Kami berdoa **semoga ibu kamu sembuh cepat.**
- Kita mesti berusaha **agar memperoleh kejayaan cemerlang.**
- Mereka masih di situ **kalau-kalau masih ada tetamu lain.**

(vii) Keterangan cara

- Keterangan cara ialah unsur yang menerangkan gaya atau kaedah sesuatu perbuatan atau kejadian berlaku.
- Kata hubung keterangan cara ialah **dengan**.

- Pucuk pokok itu dicantasnya **dengan menggunakan golok.**
- **Dengan menunggang basikal**, dia ke tempat latihan.

(viii) Keterangan tujuan

- Keterangan tujuan ialah unsur yang menerangkan maksud bagi sesuatu perbuatan atau kejadian.
- Keterangan ini menggunakan **kata hubung tujuan**.

- demi
- untuk
- bagi

- Kita harus saling menolong **demi kejayaan bersama.**
- **Untuk membantu pelajar**, kerajaan mengadakan PTPTN.
- Beberapa buah bank digabungkan **bagi membentuk institusi kewangan yang kukuh.**

(ix) Keterangan perbandingan

- Keterangan perbandingan ialah unsur yang menerangkan kejadian yang menjadi persamaan.
- Keterangan ini menggunakan beberapa **kata hubung perbandingan** yang boleh saling bertukar ganti.

- seperti
- macam
- ibarat
- bak
- umpama
- laksana

- seolah-olah
- seakan-akan
- bagaikan
- umpama
- sebagaimana
- persis

- Kami akrab **ibarat isi dengan kuku**.
- Dia membuat arahan **seolah-olah dia ketua kami**.
- **Persis orang kaya** lagak pemuda dari kota itu.

2.3 Ayat Majmuk Campuran

- Ayat majmuk campuran ialah ayat yang mengandungi lebih daripada satu jenis ayat majmuk.
- Campurannya adalah daripada ayat tunggal dengan mana-mana jenis ayat majmuk, atau gabungan berbagai-bagai jenis ayat majmuk.
- Ayat majmuk ini mudah dikenali dengan melihat kewujudan dua atau lebih kata hubung yang berlainan jenis.

- Ghani **dan** Baharum berkawan baik **sehingga** mereka terputus hubungan **apabila** Baharu melanjutkan pelajaran di luar negara.
- Orang **yang** menyebarkan fitnah patut dihukum dengan berat **agar** dapat menjadi pengajaran kepada orang lain.
- Saksi itu memberitahu **bahawa** dua orang **yang** tidak dikenali memasuki premis itu **sebelum** waktu Maghrib **dan** tidak diketahui waktu mereka keluar.